


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada kemahiran yang perlu dikuasai untuk cemerlang dalam kerjaya.

Huraikan pendapat anda tentang **jenis-jenis kemahiran yang perlu dikuasai untuk berjaya dalam kerjaya yang diceburi**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



[Lihat Sebelah
SULIT

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih *satu* daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Remaja hari ini dilihat sering terbabit dengan pelbagai gejala negatif yang menjejaskan peranan mereka sebagai pemimpin negara pada masa hadapan.
Huraikan peranan pelbagai pihak untuk menangani tingkah laku negatif dalam kalangan remaja.
2. Sungai memberikan pelbagai kepentingan kepada manusia dan alam sekitar termasuklah dapat menjadi jalan perhubungan, sumber ekonomi dan tempat rekreasi.
Tulis sebuah rencana berkaitan kepentingan sungai.
3. Menabung merupakan amalan terpuji untuk melahirkan masyarakat yang berjimat cermat.
Huraikan langkah-langkah menggalakkan amalan menabung dalam kalangan masyarakat.
4. Media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp* dan *Twitter* memberikan pelbagai manfaat kepada penggunanya di seluruh dunia.
Jelaskan.
5. Peribahasa kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya bermaksud tidak akan tercapai cita-cita kalau tidak berusaha dan bersusah payah.
Huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai impian anda.

KERTAS SOALAN TAMAT